

Pengurusan sumber manusia perlu seiring IR4.0

Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) ialah pendekatan dan trend pertukaran data serta automasi terkini dalam teknologi pembuatan. Ia bersifat unik dan tersendiri serta menambah baik proses pembuatan dan pengeluaran menjadi semakin laju, luas dan mendalam serta mempunyai impak menyeluruh.

Diasaskan daripada tiga domain teknologi, iaitu fizikal, digital dan biologi, IR4.0 dijangka membawa pelbagai peluang dan cabaran kepada dunia seperti isu keselamatan, keperluan modal, peluang pekerjaan serta kerahsiaan mendepani individu dan organisasi.

Bagaimanakah pula fungsi pengurusan sumber manusia yang perlu dijalankan pada era IR4.0?

Apakah fungsi pengurusan sumber manusia masih relevan ketika itu? Itu persoalan yang bermain dalam minda pengurus sumber manusia organisasi.

Bagaimana pula persoalan dalam minda sumber manusia itu sendiri? Apakah masih wujud ruang pekerjaan, kelulusan diperlukan dalam pasaran kerja, jaminan keselamatan kerjaya atau apakah khidmat masih diperlukan organisasi pada masa hadapan? Ia antara seribu satu persoalan menerjah minda pekerja, graduan dan bakal graduan.

Pendedahan media massa berkaitan

IR4.0 sedikit sebanyak menekankan kepentingannya kepada semua lapisan. Namun, ia turut menimbulkan bimbang, cemas dan takut dalam diri individu menghadapi perubahan disebabkan IR4.0.

Siapalah tidak takut dan tidak bimbang dengan pendedahan berkaitan IR4.0 yang lebih cenderung mengembar-gemburkan kecanggihan serta kehebatan teknologi dan automasi yang bakal menggantikan tenaga manusia.

Hakikatnya kehadiran IR4.0 tidak dapat dilengah atau dihalang. Banyak peluang dan cabaran dibawa bersama. Kita perlu bersedia dari segi fizikal, mental, spiritual dan emosi. Pengurus dan sumber manusia mesti berubah seiring keperluan IR4.0 serta aspirasi organisasi.

Ini untuk memastikan mereka kekal relevan, walaupun perubahan berlaku. Justeru, kesejahteraan emosi memberi penekanan aspek insani dan kemanusiaan perlu diterapkan dalam strategi pendidikan dan pembangunan

sumber manusia organisasi.

Sebenarnya fungsi pengurusan sumber manusia masih seperti sekarang dan diperlukan pada era IR4.0, walaupun organisasi ketika itu mempunyai tenaga kerja robot berbanding manusia.

Bagaimanapun, tumpuan pengurusan sumber manusia adalah bagi memenuhi keperluan manusia, struktur, sistem dan infrastruktur serta IR4.0 itu sendiri. Selain itu, penggunaan gabungan teknologi komputer dan manusia akan dioptimumkan.

Kegagalan organisasi menangani arus perubahan turut memberi kesan negatif amat signifikan kepada fungsi pengurusan sumber manusia. Kejayaan

mengurus sumber manusia amat bergantung kepada kecekapan dan kebijaksanaan pemimpin organisasi atau pengamalannya.

Justeru, pengurus atau pengamal sumber manusia amat memerlukan sebuah buku lengkap yang boleh dijadikan panduan berguna untuk menjayakan tugas mereka.

Antara buku yang boleh dijadikan rujukan ialah *Sumber Manusia Mendepani Industri 4.0* yang diharap dapat menggambarkan fungsi pengurusan sumber manusia dalam organisasi dalam mendepani era perubahan persekitaran perniagaan dan kehadiran IR4.0.

Ia boleh dijadikan asas kepada teras pembentukan organisasi lebih harmoni, di samping melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Integrasi antara-pengurusan sumber manusia dengan persekitaran seperti disarankan, bakal melahirkan sumber manusia lestari dan berdaya saing dalam pencapaian matlamat individu dan organisasi.

Keseimbangan dicapai dapat menambatkan kesihatan mental dan emosi sumber manusia, seterusnya meningkatkan produktiviti organisasi dan negara.

Penulis adalah Timbalan Dekan (Praxiswazah), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia



**Prof Dr
Zafir Khan
Mohamed
Makhbul**

